

DOKUMEN AWAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

---

DUA PULUH (20) TUNTUTAN  
PERTUBUHAN PROFESIONAL MELAYU & PEWARIS BANGSA (PROWARIS)  
DAN MAJLIS PERMUAFKATAN NGO-NGO MALAYSIA (MAPAN)  
KE ATAS WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR (WPI)  
MELALUI PENGUKUHAN POLISI-POLISI BERKAITAN SERTA UNDANG-UNDANG  
YANG TERMAKTUB DI BAWAH IRDA (AKTA 664)

---

TWENTY (20) DEMANDS FROM  
PERTUBUHAN PROFESIONAL MELAYU & PEWARIS BANGSA (PROWARIS)  
AND MAJLIS PERMUAFKATAN NGO-NGO MALAYSIA (MAPAN)  
ON ISKANDAR DEVELOPMENT REGION (IDR)  
BY REINFORCING RELEVANT POLICIES AND LAWS  
GOVERNED UNDER IRDA (ACT 664)

---

**PROWARIS**

PERTUBUHAN PROFESIONAL MELAYU & PEWARIS BANGSA

**MAPAN**

MAJLIS PERMUAFKATAN  
NGO-NGO MALAYSIA

DISEDIAKAN OLEH / PREPARED BY

JAWATANKUASA INDUK KAJI SELIDIK WPI PROWARIS-MAPAN  
(ISKANDAR DEVELOPMENT REGION RESEARCH COMMISSION)

Isnin, 1 Rejab 1428H | Monday, 16 July 2007

DOKUMEN DUA PULUH (20) TUNTUTAN PERTUBUHAN PROFESIONAL MELAYU & PEWARIS  
BANGSA (PROWARIS) DAN MAJLIS PERMUAFAKATAN NGO (MAPAN) KE ATAS WILAYAH  
PEMBANGUNAN ISKANDAR (WPI)  
- MELALUI PENGUKUHAN POLISI-POLISI BERKAITAN SERTA UNDANG-UNDANG YANG  
TERMAKTUB DI BAWAH IRDA (AKTA 664) -

---

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Sekiranya, WPI adalah sebuah Agenda Kebangsaan yang perlu disokong oleh segenap lapisan masyarakat di Malaysia, Kerajaan Malaysia perlu memberikan perhatian penuh terhadap bagaimana untuk meraih sokongan padu Rakyat Malaysia terhadap pembangunan WPI agar ianya benar-benar berjaya.

Kami yakin bahawa Kerajaan Malaysia yang ditadbir oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, bagi pihak DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, adalah jujur dan ikhlas dalam merealisasikan WPI demi Agama, Bangsa dan Negara. Namun demikian, ProWaris-MAPAN juga merasakan bahawa dalam meletakkan visi, misi dan aspirasi WPI, Kerajaan Malaysia seharusnya menggerakkan jentera-jentera seberapa segera dan efektif mungkin untuk merapatkan jurang pandangan di antara Rakyat serta Kerajaan mengenai isu-isu berkaitan dengan WPI menyedari bahawa pilihanraya kebangsaan akan diadakan pada tahun 2008.

ProWaris-MAPAN yakin sekiranya isu-isu yang berkaitan dengan WPI diperjelaskan dengan baik oleh Kerajaan Malaysia, sokongan padu Rakyat Malaysia dapat diraih sekaligus Agenda Kebangsaan seperti WPI ini dapat dilaksanakan mengikut perancangannya. Akhirnya, Bangsa Malaysia terutamanya Bangsa Melayu akan berterimakasih kepada Kerajaan Malaysia dalam membangunkan WPI.

Seluruh Barisan ProWaris-MAPAN yakin dengan hasrat murni Kerajaan Malaysia dalam Pembangunan WPI selagi ianya tidak mengeneppikan (1) Kesucian Agama Islam; (2) hak-hak Bangsa Melayu; dan (3) Keselamatan serta Kedaulatan Negara.

Oleh yang demikian, kami telah menggembeling tenaga-tenaga Anak-Anak Melayu Profesional terbaik yang terdiri daripada pakar-pakar ekonomi, jurutera, peguam-peguam, akauntan bertauliah, pakar pembangun hartanah dan perbankan untuk mengkaji-selidik segala peluang, risiko dan kesan Cadangan Pembangunan WPI.

Seluruh Barisan Peneraju ProWaris-MAPAN dengan ini mengambil inisiatif untuk memanjangkan Dua Puluh (20) Tuntutan ProWaris-MAPAN Terhadap Pembangunan WPI ini kepada YAB Perdana Menteri Malaysia dahulu sebelum memanjangkan dokumen kami kepada Majlis Raja-Raja Melayu; DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, DYMM Seri Paduka Baginda Sultan Johor, YAB Menteri Besar Johor serta YABhg Tun Musa Hitam selaku Ahli Majlis Penasihat IRDA.

Demi Allah Yang Maha Pencipta Sekelian Makhluq Alam, Bulan dan Bintang, Yang Menjadikan Siang Dan Malam, Duapuluh (20) Tuntutan ProWaris-MAPAN Terhadap WPI ini adalah seiring dengan Misi Seratus (100) Tahun ProWaris dalam memperjuangkan Agenda Melayu dan Agenda Islam.

---

*NOTA : Segala analisa ProWaris-MAPAN adalah berdasarkan maklumat-maklumat yang dikumpulkan seperti keratan-keratan akhbar, Manual Perancangan Terperinci Wilayah Ekonomi Johor Selatan Bersepadu atau yang lebih dikenali sebagai "Comprehensive Development Plan For South Johor Economic Region" ("CDP") dan IRDA (Akta 664) yang mana kedua-dua tersebut disediakan untuk makluman awam oleh Kerajaan Malaysia dan IRDA. Dalam penganalisaan Jawatankuasa Induk Kaji Selidik WPI ini, ProWaris-MAPAN telah menemui beberapa polisi yang boleh dipersoalkan dan perlu diperkukuhkan. Sila ambil maklum bahawa segala maklumat yang terkandung di dalam Dokumen ini adalah sebagai rujukan sahaja berdasarkan kaji selidik yang dibuat oleh ProWaris-MAPAN. ProWaris-MAPAN tidak akan bertanggungjawab atau bersalah terhadap apa-apa kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang dikeluarkan atau ditanggung hasil daripada tindakan atau peninggalan dalam merujuk kepada mana-mana maklumat yang terdapat di dalam Dokumen ini. Oleh yang demikian, ProWaris-MAPAN menasihatkan agar sesiapa sahaja yang menemui Dokumen ini sila membuat penganalisaan sendiri sebelum membuat sebarang kenyataan mengenai WPI.*

DOKUMEN DUA PULUH (20) TUNTUTAN PERTUBUHAN PROFESIONAL MELAYU & PEWARIS  
BANGSA (PROWARIS) DAN MAJLIS PERMUAFAKATAN NGO (MAPAN) KE ATAS WILAYAH  
PEMBANGUNAN ISKANDAR (WPI)  
- MELALUI PENGUKUHAN POLISI-POLISI BERKAITAN SERTA UNDANG-UNDANG YANG  
TERMAKTUB DI BAWAH IRDA (AKTA 664) -

---

Dalam mencapai mempertahankan (1) Kesucian Agama Islam; (2) hak-hak Bangsa Melayu; dan (3) Keselamatan serta Kedaulatan Negara, ProWaris-MAPAN telah menetapkan teras tuntutanannya melalui tujuh (7) aspek yang perlu diberi keutamaan tertinggi oleh Institusi Di-Raja Persekutuan, Institusi Parlimen, Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan semua agensi-agensinya yang terlibat di dalam WPI.

Tujuh (7) perkara tersebut yang disusun sama pentingnya adalah seperti berikut:-

1. Kuasa Pentadbiran;
2. Ekonomi;
3. Agama Islam;
4. Bahasa Melayu;
5. Pendidikan dan Pekerjaan;
6. Tanah; dan
7. Keselamatan.

Berdasarkan tujuh (7) perkara di atas, ProWaris-MAPAN telah mengenalpasti polisi-polisi yang perlu diperkukuhkan dalam WPI yang antara lain adalah Akta 664 Iskandar Regional Development Authority (IRDA) serta polisi-polisi yang tersenarai di bawah:-

1. Polisi-Polisi Penguatkuasaan dan Pentadbiran;
2. Polisi-Polisi Pelaburan Asing;
3. Polisi-Polisi Pembangunan Hartanah;
4. Polisi-Polisi Pembangunan Sektor Industri;
5. Polisi-Polisi Sokongan, termasuk
  - Perumahan
  - Hiburan; dan
6. Polisi-Polisi Pembangunan Insan.

ProWaris-MAPAN telah mengenalpasti polisi-polisi IRDA / SJIC dan AKTA IRDA yang lemah dan perlu diberi perhatian penuh. Tuntutan ProWaris-MAPAN adalah seperti berikut:-

**Tuntutan 1 :** Visi dan Misi WPI mestilah untuk kepentingan negara Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat dan **BUKAN** Sekali-kali bertujuan untuk mengintegrasikan kepentingan Negara Singapura.

**Tuntutan 2 :** (a) "Comprehensive Development Plan For South Johor Economic Region" ("CDP") **PERLU DITERBITKAN** dalam Bahasa Melayu; dan (b) Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di WPI.

**Tuntutan 3 :** Kekebalan ("Immunity") Dari Prosidur Undang-Undang Dan Pendakwaan - Seksyen 50 IRDA (Akta 664) **PERLU DIMANSUHKAN SAMA-SEKALI**.

---

*NOTA : Segala analisa ProWaris-MAPAN adalah berdasarkan maklumat-maklumat yang dikumpulkan seperti keratan-keratan akhbar, Manual Perancangan Terperinci Wilayah Ekonomi Johor Selatan Bersepadu atau yang lebih dikenali sebagai "Comprehensive Development Plan For South Johor Economic Region" ("CDP") dan IRDA (Akta 664) yang mana kedua-dua tersebut disediakan untuk makluman awam oleh Kerajaan Malaysia dan IRDA. Dalam penganalisaan Jawatankuasa Induk Kaji Selidik WPI ini, ProWaris-MAPAN telah menemui beberapa polisi yang boleh dipersoalkan dan perlu diperkukuhkan. Sila ambil maklum bahawa segala maklumat yang terkandung di dalam Dokumen ini adalah sebagai rujukan sahaja berdasarkan kaji selidik yang dibuat oleh ProWaris-MAPAN. ProWaris-MAPAN tidak akan bertanggungjawab atau bersalah terhadap apa-apa kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang dikeluarkan atau ditanggung hasil daripada tindakan atau peninggalan dalam merujuk kepada mana-mana maklumat yang terdapat di dalam Dokumen ini. Oleh yang demikian, ProWaris-MAPAN menasihatkan agar sesiapa sahaja yang menemui Dokumen ini sila membuat penganalisaan sendiri sebelum membuat sebarang kenyataan mengenai WPI.*

DOKUMEN DUA PULUH (20) TUNTUTAN PERTUBUHAN PROFESIONAL MELAYU & PEWARIS  
BANGSA (PROWARIS) DAN MAJLIS PERMUAFAKATAN NGO (MAPAN) KE ATAS WILAYAH  
PEMBANGUNAN ISKANDAR (WPI)  
- MELALUI PENGUKUHAN POLISI-POLISI BERKAITAN SERTA UNDANG-UNDANG YANG  
TERMAKTUB DI BAWAH IRDA (AKTA 664) -

---

**Tuntutan 4** : Pencegahan Anamoli - Seksyen 56(1) Irda (Akta 664) **PERLU DIMANSUHKAN SAMA-SEKALI.**

**Tuntutan 5** : "Pengerusi Bersama" di bawah Seksyen 8 IRDA (Akta 664) **PERLU DIPINDA.**

**Tuntutan 6** : "KEPUTUSAN DICAPAI MELALUI MAKLUMAN" Jadual 3 Subseksyen 8(4) IRDA (Akta 664) **PERLU DIPINDA.**

**Tuntutan 7** : "CEO IRDA Tidak Semestinya Berbangsa Melayu" Seksyen 18 Bahagian III IRDA (Akta 664) **PERLU DIPINDA.**

**Tuntutan 8** : Tarikh Penguatkuasaan IRDA (Akta 664), Tarikh Perkenan Di-Raja dan Tarikh penyiaran dan diwartakan **PERLU DIPERSOALKAN.**

**Tuntutan 9** : Markas kawalan keselamatan Angkatan Tentera Malaysia **PERLU WUJUD** di WPI.

**Tuntutan 10** : Syarat-syarat yang dipersetujui di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri **PERLU DIDEHAHKAN** supaya Rakyat Malaysia khususnya Bangsa Melayu dapat menilaikan keberuntungan dan risiko-risiko yang perlu diambil.

**Tuntutan 11** : Peluang Pekerjaan Untuk Bangsa Melayu benar-benar tercapai **PERLU DIBERI KEUTAMAAN.**

**Tuntutan 12** : Penglibatan dan pemilikan aktiviti ekonomi dan aset-aset perniagaan melayu di dalam zon ekonomi istimewa (Special Economic Zone atau "SEC") tidak kurang daripada 51% Di kesemua industri utama dan industri baru (New Industri) **PERLU DIBERI KEUTAMAAN.**

**Tuntutan 13** : penglibatan dan pemilikan aktiviti ekonomi dan aset-aset perniagaan Melayu di dalam Koridor Ke-dua pembangunan WPI tidak kurang daripada 90% di kesemua industri utama dan 'new industri' **PERLU DIBERI KEUTAMAAN.**

**Tuntutan 14** : Pembangunan aset-aset strategik dan infrastruktur di mana 51% ekuiti dipegang oleh Ahli-Ahli Usahawan Melayu **PERLU DIBERI KEUTAMAAN.**

**Tuntutan 15** : Kesemua Hartanah **PERLU DIWARTAKAN** kepada status pegangan berpajak "leasehold" apabila bertukar milik.

**Tuntutan 16** : Kandungan Minima Bahan Bumiputera Tempatan ("Minimum Local Bumiputra Content") untuk mempertahankan industri kecil sederhana Bangsa Melayu **PERLU DIBERI KEUTAMAAN.**

---

*NOTA : Segala analisa ProWaris-MAPAN adalah berdasarkan maklumat-maklumat yang dikumpulkan seperti keratan-keratan akhbar, Manual Perancangan Terperinci Wilayah Ekonomi Johor Selatan Bersepadu atau yang lebih dikenali sebagai "Comprehensive Development Plan For South Johor Economic Region" ("CDP") dan IRDA (Akta 664) yang mana kedua-dua tersebut disediakan untuk makluman awam oleh Kerajaan Malaysia dan IRDA. Dalam penganalisan Jawatankuasa Induk Kaji Selidik WPI ini, ProWaris-MAPAN telah menemui beberapa polisi yang boleh dipersoalkan dan perlu diperkukuhkan. Sila ambil maklum bahawa segala maklumat yang terkandung di dalam Dokumen ini adalah sebagai rujukan sahaja berdasarkan kaji selidik yang dibuat oleh ProWaris-MAPAN. ProWaris-MAPAN tidak akan bertanggungjawab atau bersalah terhadap apa-apa kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang dikeluarkan atau ditanggung hasil daripada tindakan atau peninggalan dalam merujuk kepada mana-mana maklumat yang terdapat di dalam Dokumen ini. Oleh yang demikian, ProWaris-MAPAN menasihatkan agar sesiapa sahaja yang menemui Dokumen ini sila membuat penganalisan sendiri sebelum membuat sebarang kenyataan mengenai WPI.*

DOKUMEN DUA PULUH (20) TUNTUTAN PERTUBUHAN PROFESIONAL MELAYU & PEWARIS BANGSA (PROWARIS) DAN MAJLIS PERMUAFAKATAN NGO (MAPAN) KE ATAS WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR (WPI)  
- MELALUI PENGUKUHAN POLISI-POLISI BERKAITAN SERTA UNDANG-UNDANG YANG TERMAKTUB DI BAWAH IRDA (AKTA 664) -

---

**Tuntutan 17 : TIDAK BOLEH BERTOLAK ANSUR** sekiranya perlesenan penjualan arak dibenarkan di dalam WPI.

**Tuntutan 18 :** Pembangunan sistem ekonomi, industri Perbankan & kewangan islam (development of an Islamic Financial industry and Economic System) **PERLU DIGALAKKAN.**

**Tuntutan 19 :** Perlepasan cukai berganda ("double tax deduction") bagi syarikat-syarikat dalam WPI yang mengambil anak-anak Bangsa Melayu bekerja atau memberi latihan kepada mereka **PERLU DIBERI KEUTAMAAN.**

**Tuntutan 20 :** Aktiviti Penyelidikan Dan Pembangunan ("Research & Development Activities") di antara syarikat-syarikat asing dengan IPTA / IPTS **PERLU DIBERI KEUTAMAAN.**

---

*NOTA : Segala analisa ProWaris-MAPAN adalah berdasarkan maklumat-maklumat yang dikumpulkan seperti keratan-keratan akhbar, Manual Perancangan Terperinci Wilayah Ekonomi Johor Selatan Bersepadu atau yang lebih dikenali sebagai "Comprehensive Development Plan For South Johor Economic Region" ("CDP") dan IRDA (Akta 664) yang mana kedua-dua tersebut disediakan untuk makluman awam oleh Kerajaan Malaysia dan IRDA. Dalam penganalisaan Jawatankuasa Induk Kaji Selidik WPI ini, ProWaris-MAPAN telah menemui beberapa polisi yang boleh dipersoalkan dan perlu diperkuatkan. Sila ambil maklum bahawa segala maklumat yang terkandung di dalam Dokumen ini adalah sebagai rujukan sahaja berdasarkan kaji selidik yang dibuat oleh ProWaris-MAPAN. ProWaris-MAPAN tidak akan bertanggungjawab atau bersalah terhadap apa-apa kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang dikeluarkan atau ditanggung hasil daripada tindakan atau peninggalan dalam merujuk kepada mana-mana maklumat yang terdapat di dalam Dokumen ini. Oleh yang demikian, ProWaris-MAPAN menasihatkan agar sesiapa sahaja yang menemui Dokumen ini sila membuat penganalisaan sendiri sebelum membuat sebarang kenyataan mengenai WPI.*